

FREEMASON TAK RESAP UMNO — DR M

KUALA LUMPUR, Jumaat — DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan sekiranya kerjanya tuduhan bahawa UMNO, Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, beliau sendiri dan Setiausaha Politik Perdana Menteri dikuasai dan diresep oleh Perubuhan Freemason.

Tanpa menyebut nama, Perdana Menteri mengancam dan men-sifatkan tuduhan tersebut sebagai blabab, yang dilemparkan oleh seorang yang kononnya ahli UMNO.

Katanya, sama ada gerakan Freemason itu buruk atau tidak adalah satu perkara lain.

"Tetapi menuduh Jabatan Perdana Menteri, Perdana Menteri, Setiausaha Politiknya, UMNO dan Kerajaan dikuasai oleh badan ini adalah satu perbuatan blabab.

"Dakwaan orang ini bahawa ia adalah ahli UMNO amat mengecewakan," tambahnya ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO ke-33 di sini yang dihadiri oleh lebih 5000 para perwakilan dan pemerhati khas dari parti-parti komponen Barisan Nasional.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, Freemason bukanlah satu badan yang "Kita alu-alukan dan orang Islam tidak sepatutnya menjadi ahli pertubuhan

ini."

"Tetapi janganlah seseorang terpesong dari kenyataan kerana ingin mencari alasan untuk melindungi kelemahan kita.

"Janganlah kita habiskan tenaga dan masa berjuang dengan bayang-bayang sedangkan yang mengancam kita berada di hadapan kita dengan terang dan nyata," ujarnya.

Beliau berkata, penyakit yang dialami oleh kita ialah tabiat memencam mata kepada cabaran yang nyata dan mengalih perhatian kepada masalah-masalah ciptaan sendiri.

"Akibatnya ialah pembaziran tenaga dan masa tanpa apaapa hasil," tambahnya.

Perdana Menteri menyoal apakah orang Islam di negara ini takut kepada Freemason.

"Apakah perjuangan kita hingga kini tidak pernah mencapai kejayaan kerana Freemason? Apakah kita tidak merdeka kerana dihalang oleh Freemason?"

"Kalau kita sudah begitu takut kepada Freemason tidak gualah kita anggap diri kita orang Islam yang kuat iman. Kita sudah begitu lemah sehingga kita takut kepada beberapa kerat manusia yang bersandiwara dalam bangunan yang kita namakan 'Rumah Han-tu'," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memper-

soal mengapa orang yang nyata setia dituduh dan orang yang nyata oportunist yang tidak bermaruah didewa-dewakan.

"Sekali lagi saya ingin katakan, dari segi kesan kepada perpaduan dalam UMNO, orang yang menuduh adalah lebih Freemason, bukan orang yang dituduh.

"Jika ada orang yang patut disingkir, orang yang menuduhlah yang patut disingkir.

"Dialah musang berbulu ayam, dialah duru dalam daging, dialah musuh dalam selimut, dialah Freemason pada hakikat," tegasnya.

Fitnah

Perdana Menteri menyeru rakyat dan ahli-ahli UMNO khususnya supaya mengawasi orang yang melempar fitnah dan menurutnya.

"Tuhan telah berfirman yang bermaksud orang yang memfitnah adalah lebih bahaya dari pembunuhan — dan Tuhan adalah lebih mengetahui."

Datuk Seri Dr. Mahathir mengukuti Setiausaha Kerja UMNO dan ramai lagi orang Melayu yang pernah menjadi anggota Freemason.

"Sebabnya ialah kerana fesyen semasa, kerana sukar berdekot dengan orang kulit putih di zaman orang kulit putih berkuasa," ujarnya.

Tetapi, menurutnya, Setiausaha Kerja dan ramai daripada orang Melayu yang menjadi

Freemason sudahpun meninggalkan pertubuhan itu.

"Mereka tidak lagi terikat dengan apa yang dikatakan sumpah mereka — kerana bagi orang Islam sumpah seperti itu tidak bermakna sama sekali. Mereka sudah bertaubat," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap ahli-ahli UMNO dan rakyat akan menerima kembali Setiausaha Kerja UMNO itu dan orang-orang Melayu yang telah bertaubat kerana menjadi ahli Freemason.

"Dalam Islam, pembunuhan sekalipun boleh diampun. Inikan pula perbuatan kebudak-budakan di masa mudanya," tambahnya.

Beliau seterusnya menyatakan, para pemimpin UMNO mempunyai kepercayaan dan berpuas hati dengan tugas-tugas yang dijalankan oleh Setiausaha Kerja UMNO sejak pilihanraya 1974.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan telah memperhatikan tindakan-tindakan orang yang membuat tuduhan tersebut.

Katanya, dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1978, orang itu cuba membawa usul tergegar kononnya Kerajaan telah membenarkan 'lumba anjing' di negara ini.

Setelah menyebarkan risalah-risalah kepada para perwakilan dan orang ramai, orang ini bagaimanapun, tidak bercakap dan tidakpur-

membangkitkan perkara 'lumba anjing' ini walaupun diberi peluang.

"Sebabnya jelas — tuduhan ini tidak berasas dan tujuannya membawa usul ini ialah supaya majlis menjadi gempar, supaya Kerajaan ditekam oleh ahli UMNO, supaya UMNO rosak, dan tujuannya yang terbesar sekali ialah untuk membuka peluang kepada musuh-musuh UMNO menghentam UMNO dan Kerajaan," jelasnya.

Perdana Menteri mendakwa bahawa kegiatan orang itu di mana-mana sahaja mencerminkan keperibadiannya.

"Ia biasa menceroob masuk ke bangunan PKNS dan membuka kedai tanpa izin. Sewa kedai tidak dibayar dan akhirnya barang-barang yang tidak berguna yang ada di kedai itu terpaksa dilelong untuk mendapat balik sewa," ujarnya di-sambung tepukan gemuruh para hadirin.

Kegiatan

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, orang ini juga menyewa sebuah rumah di sini dengan mudah kerana ia Bumiputera dan selepas mendapatkannya, kedai tersebut di-sewakan kepada bukan Bumiputera.

"Sewa dikutip dari para bukan Bumiputera tetapi sewanya sendiri kepada PKNS tidak dibayar sehingga PKNS terpaksa mengambil tindakan undang-undang," tambahnya.

Beliau juga membangkitkan kegiatan orang tersebut menubuhkan syarikat dengan nama seakan-akan nama nama sebuah perniagaan perniagaan Melayu yang diketuainya.

"Syarikat ini berjaya memohon sekeping tanah dari Kerajaan kerana disangka yang permohonan ialah peratutan dan bukan dirinya sendiri.

"Dalam masa yang singkat, nama pemilik tanah ini ditukar kepada nama syarikat kepunyaannya sendiri dan diserahkan kepada bukan Bumiputera untuk taman hiburan yang tidak mempunyai unsur Melayu sekali.

"Apabila taman hiburan ini tidak maju, tanah tersebut terus dijual kepada syarikat bukan Bumiputera," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengancam sikap individu tersebut yang mengancam orang lain tidak Islam, tidak Bumiputera, tidak mengutamakan bahasa, Zionis dan sebagainya sedangkan ia sendiri mengkhianati hak orang Melayu.

Beliau seterusnya menegaskan, UMNO dan orang Melayu dan Islam mempunyai tanggungjawab yang besar dan memerlukan tumpuan perhatian kepada masalah-masalah yang nyata.

Oleh itu, ujarnya, UMNO perlu menarik balik perhatian orang Melayu yang juga orang Islam kepada hak-hak masalah yang sebenar dan mengikut kehendak agama dalam mengatasi dengan menyingkirkan khayalan.

"Sekarang ini kita menghadapi perjuangan yang terbesar sekali — perjuangan untuk mengubah sikap orang Melayu supaya sesuai dengan kehendak agama Islam di zaman moden ini," ujarnya.

Katanya, tugas UMNO sekarang ialah meningkatkan lagi amalan mengenai Islam dan menjamin masyarakat Melayu benar-benar mengamalkan ajaran agama Islam.

No. Siri..... 6699
No. Penerimaan..... 1016/86

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia